



NEWSLETTER

Disediakan oleh:
NUR-'AZAH AFNAN HANAFI
Ketua Penolong Pengarah, BPTMS

EVOLUSI GAJI & UPAH

PENGENALAN

Statistik gaji & upah merujuk kepada kadar upah merangkumi gaji pokok, elaun sara hidup dan lain-lain elaun dalam bentuk tunai atau mata benda seperti makanan dan penginapan percuma atau konsesi yang dibayar secara tetap dan berkala serta bayaran kerja lebih masa. Ia tidak termasuk bonus dan gratuiti, elaun keluarga dan lain-lain bayaran keselamatan sosial oleh majikan.

Menurut Laporan Pendapatan Isi Rumah dan Kemudahan Asas 2016, punca pendapatan isi rumah yang terbesar di Malaysia adalah daripada pekerjaan bergaji iaitu 63.0 peratus. Oleh itu, bagi menggambarkan gaji yang diterima pada tahun 1970 an sehingga 1999, proksi agihan pendapatan isi rumah di Malaysia dari tahun 1970 hingga 1999 digunapakai. Pendapatan penengah isi rumah di Malaysia telah bertumbuh sebanyak 9.7 peratus secara tahunan kepada RM2,472 pada tahun 1999 berbanding RM167 pada tahun 1970.

Jadual 1: Agihan Pendapatan isi rumah , 1970-1999, Malaysia

	1970	1976	1979	1984	1987	1990	1995	1997	1999
Pendapatan Purata (RM)	267	514	693	1,095	1,074	1,167	2,008	2,607	-
Pendapatan Penengah (RM)	167	388	436	723	738	-	1,346	1,682	2,472


Nota: "-" merujuk kepada tiada data

Sumber: Snodgrass,1980,
Anand, 1983,
Malaysia, 1981, 1984, 1989, 1991 (b), 1993, 1996,
1999, 2001




Sejak tahun 1982 lagi, majoriti penduduk bekerja di Malaysia adalah berstatus pekerja iaitu 63 peratus dan bilangan ini terus meningkat sehingga 2018. Ini menunjukkan majoriti penduduk bekerja di Malaysia adalah penerima gaji & upah.

Carta 1: Peratus pekerja berbanding penduduk bekerja, 1982-2018, Malaysia



Carta 2: Pecahan penduduk bekerja mengikut taraf pekerja, 2018, Malaysia



Sumber: Siri Masa Survei Tenaga Buruh, 1982-2018

Pada tahun 2018, terdapat 14,776 juta penduduk bekerja di Malaysia. Daripada jumlah ini, **72 peratus adalah berstatus pekerja**, 19 peratus bekerja sendiri, 5 peratus pekerja keluarga tanpa gaji dan 4 peratus adalah majikan.

OBJEKTIF

Sumber: Siri Masa Survei Tenaga Buruh, 1982-2018

Rencana ini bertujuan untuk membentangkan kajian gaji & upah bagi tempoh 2010 sehingga 2018 bagi pekerjaan utama yang dilakukan oleh Warganegara Malaysia bagi sektor kerajaan dan swasta. Sumber maklumat ini diperoleh daripada Laporan Survei Gaji & Upah Malaysia 2018. Parameter yang akan diliputi adalah penengah gaji & upah bulanan mengikut jantina, pencapaian pendidikan, negeri, pekerjaan dan industri. Maklumat kadar upah dapat digunakan untuk mengukur perbezaan upah dan menilai kaitan gaji & upah dengan mobiliti buruh.

TAHUKAH ANDA



Perintah Gaji Minimum telah dilaksanakan sebanyak empat kali sejak tahun 2012

Perintah Gaji Minimum


Tahun	Tarikh Kuatkuasa	Semenanjung (RM)	Sabah/Sarawak (RM)
2012	1 Januari 2013	900	800
2016	1 Julai 2016	1,000	920
2018	1 Januari 2019	1,050	
2020	1 Februari 2020	RM1,200 bagi pekerja yang bekerja di kawasan Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran dan RM1,100 bagi pekerja yang bekerja di kawasan selain Majlis Bandaraya dan Majlis Perbandaran	



PENEMUAN UTAMA


Bilangan penerima gaji & upah di Malaysia telah meningkat 2.5 peratus secara tahunan daripada 7.1 juta (2010) kepada 8.8 juta pada tahun 2018. Penengah gaji & upah bulanan pula terus bertumbuh 5.4 peratus secara tahunan kepada RM2,308 pada tahun 2018 berbanding RM1,500 pada tahun 2010. Trend yang ditunjukkan pada Carta 3: Penengah gaji dan upah bulanan pekerja di Malaysia menunjukkan pertumbuhan yang baik sepanjang tempoh lapan tahun.

Paparan 1: Bilangan Penerima Gaji & Upah dan Penengah Gaji & Upah Malaysia, 2010 dan 2018



Bilangan Penerima	Penengah Gaji & Upah
2010 : 7,149.2 ribu	2010 : RM1,500
2018 : 8,761.2 ribu	2018 : RM2,308
Kadar Pertumbuhan tahunan dikompaun : 2.5%	Kadar Pertumbuhan tahunan dikompaun : 5.4%

Carta 3: Penengah gaji & upah bulanan pekerja, Malaysia, 2010-2018



PENENGAH GAJI & UPAH BULANAN MENGIKUT JANTINA

Penengah gaji & upah bulanan bagi pekerja lelaki telah meningkat 5.6 peratus secara tahunan kepada RM2,342 pada tahun 2018 berbanding RM1,500 pada tahun 2010. Bagi pekerja wanita pula, peningkatan penengah gaji & upah adalah lebih rendah daripada pekerja lelaki iaitu 5.0 peratus secara tahunan kepada RM2,227 pada tahun 2018 berbanding RM1,498 pada tahun 2010. Pekerja lelaki merekodkan penengah gaji & upah yang lebih tinggi pada tahun 2018 iaitu RM2,342 berbanding pekerja wanita, RM2,227.

Paparan 2: Penengah gaji & upah dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut jantina, Malaysia, 2010 dan 2018



Penengah Gaji & Upah

2010: RM1,500
2018: RM2,342

5.6%



Penengah Gaji & Upah

2010: RM1,498
2018: RM2,227

5.0%

Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun

3



PENENGAH GAJI & UPAH BULANAN MENGIKUT PENCAPAIAN PENDIDIKAN

Penengah gaji & upah tertinggi pada 2018 adalah bagi pendidikan tertiar iaitu RM3,648, diikuti dengan pendidikan menengah (RM1,850), pendidikan rendah (RM1,518) dan tiada pendidikan (RM1,166). Penengah gaji & upah bagi pekerja yang tiada pendidikan rasmi merekodkan kadar pertumbuhan tertinggi iaitu 7.9 peratus secara tahunan kepada RM1,166 pada 2018 berbanding RM 621 pada tahun 2010. Ini selaras dengan pelaksanaan Perintah Gaji Minimum 2016 yang memperuntukkan kadar gaji minimum sebanyak RM1,000 sebulan bagi Semenanjung dan RM920 sebulan bagi Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan.

Paparan 3: Penengah gaji & upah dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut tahap pendidikan, Malaysia, 2010 dan 2018


Tiada pendidikan rasmi	Rendah	Menengah	Tertiari
2010: 621 2018: 1,166	2010: 890 2018: 1,518	2010: 1,250 2018: 1,850	2010: 2,550 2018: 3,648
7.9%	6.7%	4.9%	4.5%

■ Penengah Gaji & Upah (RM)
■ Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun

PENENGAH GAJI & UPAH BULANAN MENGIKUT NEGERI


Negeri yang merekodkan penengah gaji & upah tertinggi bagi 2018 adalah W.P. Putrajaya dengan nilai RM3,673, diikuti dengan W.P. Kuala Lumpur (RM2,946) dan Selangor (RM2,695).

Paparan 4: Lima negeri yang mencatatkan penengah gaji dan upah tertinggi, Malaysia, 2010 dan 2018



Negeri Sarawak mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun tertinggi bagi penengah gaji & upah berbanding negeri lain iaitu 7.7 peratus bagi tempoh 2010 sehingga 2018. Ini diikuti oleh Melaka (7.3%) dan W.P. Putrajaya (7.0%).

Paparan 5: Lima negeri mencatatkan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun tertinggi bagi penengah gaji & upah, Malaysia, 2010 dan 2018



PENENGAH GAJI & UPAH BULANAN MENGIKUT PEKERJAAN

Pekerjaan Pengurus merekodkan penengah gaji tertinggi bagi tahun 2010 dan 2018 iaitu masing-masing RM3,500 dan RM6,276. Walau bagaimanapun, trend penengah gaji & upah terendah bagi jenis pekerjaan telah berubah bagi pada tahun 2018. Pekerja asas mencatatkan penengah gaji & upah terendah iaitu RM1,329 pada 2018 manakala Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan merekodkan penengah gaji & upah terendah iaitu RM600 pada tahun 2010. Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan juga merekodkan kenaikan tertinggi kadar pertumbuhan tahunan dikompaun bagi penengah gaji & upah iaitu 12.5 peratus kepada RM1,539 pada 2018 berbanding RM600 pada tahun 2010.


Jadual 2: Penengah gaji & upah dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut pekerjaan, Malaysia, 2010 dan 2018

Pekerjaan	Penengah Gaji & Upah (RM)		Kadar pertumbuhan tahunan dikompaun (%)
	2010	2018	
Pengurus	3,500	6,276	7.3
Profesional	3,274	4,814	4.8
Juruteknik dan profesional bersekutu	2,200	3,022	4.0
Pekerja sokongan perkeranian	1,500	2,093	4.1
Pekerja perkhidmatan dan jualan	1,080	1,695	5.6
Pekerja mahir pertanian, perhutanan, penternakan dan perikanan	600	1,539	11.8
Pekerja kemahiran dan pekerja pertukangan yang berkaitan	1,130	1,770	5.6
Operator mesin dan loji, dan pemasang	1,120	1,738	5.5
Pekerja asas	840	1,329	5.7

PENENGAH GAJI & UPAH BULANAN MENGIKUT SEKTOR

Sektor perlombongan dan pengkuarian mencatatkan penengah gaji & upah tertinggi iaitu RM3,703, diikuti dengan sektor perkhidmatan iaitu RM2,431 dan sektor pembinaan iaitu RM2,164 pada tahun 2018. Dari segi kadar pertumbuhan tahunan tertinggi, sektor pembinaan merekodkan kenaikan tertinggi iaitu 7.4 peratus diikuti dengan sektor pertanian, perhutanan & perikanan (7.2%) dan sektor pembuatan (5.4%).

Paparan 6: Penengah gaji & upah dan kadar pertumbuhan tahunan dikompaun mengikut sektor pekerjaan, Malaysia, 2010 dan 2018




5



GAJI & UPAH: DI MANAKAH KEDUDUKAN MALAYSIA?

Malaysia mencatatkan purata gaji dan upah bulanan pekerja sebanyak USD765 bagi tahun 2018 dan berada di kedudukan ketiga daripada tujuh buah negara di Asia Tenggara. Singapura mencatatkan purata gaji dan upah bulanan pekerja tertinggi iaitu USD3,289.

Carta 4: Purata gaji dan upah bulanan pekerja




Sumber: International Labour Organization, ILOSTAT

IMPAK COVID-19

01

Mulai 18 Mac 2020, seluruh negara perlu akur dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bagi membendung penularan wabak Covid-19. PKP telah berkuatkuasa mulai 18 Mac 2020 dan telah memasuki Fasa 3 pelanjutan sehingga 28 April 2020. Pelaksanaan PKP menyaksikan hanya perkhidmatan penting sahaja yang dibenarkan beroperasi. PKP dilihat akan memberi kesan terhadap gaji & upah bagi kebanyakan sektor lain.



02

Bagi mengatasi isu ini, pada 27 Mac yang lalu, Kerajaan telah memperkenalkan Program Subsidi Upah untuk membantu majikan mengekalkan pekerja, dalam usaha membantu mereka menghadapi impak ekonomi akibat penularan wabak COVID-19. Menerusi program ini, Kerajaan telah menyediakan subsidi upah RM600 sebulan selama tiga bulan kepada pekerja dengan gaji bawah RM4,000 dan majikan yang mengalami penurunan pendapatan 50 peratus sejak 1 Januari lalu. Majikan mesti memastikan mereka tidak memberhentikan pekerja atau mengarahkan kakitangan mengambil cuti tanpa gaji bagi tempoh tiga bulan selepas program itu dilaksanakan.

Pada 6 April pula, kerajaan telah mengumumkan langkah tambahan bagi Pakej Rangsangan Ekonomi Prihatin Rakyat atau “PRIHATIN TAMBAHAN” yang berjumlah RM10 bilion bagi membantu meringankan beban kewangan PKS dan seterusnya menjamin dua pertiga daripada jumlah pekerja di negara ini terus mempunyai pekerjaan. Inisiatif ini merupakan bantuan subsidi upah dan Geran Khas bagi syarikat PKS mikro yang layak. Menerusi bantuan subsidi ini, syarikat yang mempunyai bilangan pekerja 76 hingga hingga 200 orang akan menerima subsidi upah sebanyak RM800 bagi setiap pekerja. Bagi syarikat yang mempunyai bilangan pekerja sehingga 75 orang, syarikat akan menerima subsidi upah sebanyak RM1,200 bagi setiap pekerja. Langkah ini dapat mengurangkan beban majikan bagi pembayaran gaji dan seterusnya dapat mengelakan pekerja dari diberhentikan.

03

Pakej PRIHATIN dan Pakej PRIHATIN TAMBAHAN diharap dapat melindungi pekerjaan di samping menjamin daya tahan perniagaan dan memastikan kelangsungan kehidupan semua golongan masyarakat dalam menghadapi saat sukar semasa wabak Covid-19 ini.

04



PENAFIAN: Artikel dalam *newsletter* ini adalah inisiatif pegawai DOSM berdasarkan pemerhatian dan pengumpulan maklumat ringkas secara *ad-hoc* di lapangan semasa Perintah Kawalan Pergerakan. Ianya tidak memenuhi sepenuhnya piawaian pengeluaran statistik rasmi negara. Justeru, kandungan *newsletter* ini tidak boleh ditafsir sebagai statistik rasmi DOSM.

6

